

Syarat Aktiviti Explorace KKP Minggu OSH 2025

1. Penyertaan Kumpulan

- Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada **4 orang peserta** sahaja
- Semua peserta dalam satu kumpulan **mewakili JK KKP Fakulti / PTj** yang sama .

2. Pendaftaran

- Pendaftaran perlu dibuat sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.
- Setiap kumpulan perlu melengkapkan borang pendaftaran dan mendapatkan pengesahan daripada Pengerusi JK KKP Fakulti/ PTj.

3. Kelayakan Peserta

- Terbuka kepada **staf UTeM** sahaja.
- Peserta mestilah **sihat tubuh badan** dan tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang menghalang penyertaan aktiviti fizikal ringan hingga sederhana.

4. Pakaian

- Peserta diwajibkan memakai **pakaian sukan atau pakaian yang bersesuaian** dengan aktiviti fizikal.
- Kasut sukan bertutup diwajibkan atas faktor keselamatan.

5. Disiplin & Etika

- Peserta **tidak dibenarkan menipu**, merosakkan harta benda, atau mengganggu kumpulan lain.
- Semua peserta mesti mematuhi arahan fasilitator dan petugas sepanjang program berlangsung.

6. Keselamatan

- Peserta bertanggungjawab terhadap **keselamatan diri masing-masing** semasa aktiviti berlangsung.
- Sebarang kecederaan ringan akan diberi rawatan awal oleh petugas. Kecederaan serius akan dirujuk ke pusat kesihatan berdekatan.

7. Peraturan Permainan

- Setiap kumpulan perlu **melengkapkan semua checkpoint** yang ditetapkan mengikut urutan.
- Markah akan diberikan berdasarkan **kelajuan, ketepatan jawapan/tugasan, dan semangat kerjasama kumpulan**.
- Arahan dari semasa ke semasa.

8. Pembatalan Penyertaan

- Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana kumpulan/peserta yang melanggar syarat dan peraturan aktiviti.

9. Keputusan Pengadil

- **Keputusan pengadil adalah muktamad** dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.